

Kerajaan gubal undang-undang atasi pencemaran sungai

PUTRAJAYA - Satu Rang Undang-Undang Sumber Air Negara baharu sedang digubal bertujuan untuk mengatasi masalah pencemaran sungai akan dibentangkan di Parlimen pada April tahun depan.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, menerusi undang-undang baharu itu, semua kawasan tadahan air akan digazetkan.



WAN JUNAIDI



**SHARIFFA
SABRINA**

“Setakat ini semua negeri sudah memberikan persetujuan

termasuk di Sarawak namun hanya Selangor dan Sabah belum mengumumkan keputusan kerana pihak kita masih belum bertemu dengan kerajaan negeri terbabit,” katanya pada sidang media selepas sesi pertemuan dengan pertubuhan bukan kerajaan berkaitan alam sekitar di sini semalam.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar,

Datuk Hamim Samuri dan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azizan Ahmad.

Dalam pada itu, Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (Peka), Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil turut menyampaikan Deklarasi Ulu Tembeling kepada Wan Junaidi.

Shariffa Sabrina berkata, kandungan deklarasi itu menyatakan air sungai menjadi cetek bukan

disebabkan fenomena El Nino semata-mata sebaliknya berpunca daripada pembalakan dan pembukaan hutan yang tidak terkawal.

“Peka meminta supaya kerajaan segeraewartakan kawasan-kawasan di hulu sungai sebagai kawasan tadahan air khususnya di Ulu Tembeling, Pahang bagi mengelakkan ancaman kemusnahan ekoran penerokaan hutan,” ujar beliau.